

Bil. S 59

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH MATAWANG DAN MONETARI (PINDAAN), 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan tarikh anggapan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 36 dari S 16/04.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH MATAWANG DAN MONETARI (PINDAAN), 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan tarikh anggapan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Matawang dan Monetari (Pindaan), 2005 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Matawang dan Monetari, 2004 (S 16/04).

Pindaan bab 36 dari S 16/04.

2. Bab 36 dari Perintah Matawang dan Monetari, 2004 adalah dipinda dengan memasukkan ceraihan baru yang berikut sejurus selepas ceraihan (1) —

"(1A) Dengan tidak menghiraukan keluasan makna ceraihan (1), pada permulaan kuatkuasa Perintah ini —

(a) semua aset dan liabiliti Lembaga Matawang Brunei yang ditubuhkan oleh ceraihan (1) bab 3 dari Akta Matawang (Penggagal 32) (dimansuhkan oleh Perintah ini) adalah dengan ini dipindahkan kepada dan hendaklah terletak tanpa jaminan lanjut, pada Lembaga Matawang dan Monetari Brunei, dan Lembaga Matawang dan Monetari Brunei hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperlukan untuk mengambil milik, mendapatkan kembali dan mengurus aset tersebut dan melepaskan liabiliti tersebut;

(b) semua wang kertas dan syiling yang dikeluarkan oleh Lembaga Matawang Brunei sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah bagi segala maksud dianggap telah dikeluarkan oleh Lembaga Matawang dan Monetari Brunei;

(c) semua aset dan wang dalam Dana Simpanan yang ditubuhkan oleh ceraihan (1) bab 21 dari Akta Matawang (Penggagal 32) (dimansuhkan oleh Perintah ini) adalah dengan ini dipindahkan kepada dan hendaklah terletak tanpa jaminan lanjut pada Dana Simpanan yang ditubuhkan oleh ceraihan (1) bab 28 dari Perintah ini;

(d) jika terdapat sebarang akaun Lembaga Matawang Brunei yang pada permulaan kuatkuasa Perintah ini belum diaudit oleh Juruaudit Agung di bawah ceraian (1) bab 26 dari Akta Matawang (Penggagal 32) (dimansuhkan oleh Perintah ini), Juruaudit Agung hendaklah dengan serta-merta menyebabkan supaya akaun-akaun tersebut diaudit dan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang ahli lain Lembaga Matawang dan Monetari Brunei, dan hendaklah selepas itu menghantar salinan-salinan akaun yang bertandatangan itu yang telah diperakui olehnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan kepada Menteri dan hendaklah menghadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan kepada Menteri laporan-laporan mengenai pengendalian Lembaga Matawang Brunei bagi tahun-tahun yang masing-masing disebut dalam akaun-akaun itu seolah-olah ceraian (2) bab 27 dari Akta Matawang (Penggagal 32) (dimansuhkan oleh Perintah ini) belum dimansuhkan;

(e) sebarang keizinan, persetujuan, kelulusan, perberian kuasa atau keputusan lain yang dibenarkan, diberikan atau dibuat oleh Lembaga Matawang Brunei dan setiap suratikatan atau suratcara lain di mana Lembaga Matawang Brunei adalah suatu pihak kepadanya atau yang menyentuh Lembaga Matawang Brunei hendaklah bagi segala maksud, setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan kecuali sebagaimana yang mungkin diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Perintah ini atau dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, diteruskan dan dianggap telah dibenarkan, diberikan atau dibuat oleh Lembaga Matawang dan Monetari Brunei di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini;

(f) sebarang prosiding yang belum lagi diputuskan pada permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah, setakat mana prosiding itu tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, diteruskan seolah-olah Lembaga Matawang dan Monetari Brunei adalah suatu pihak dalam prosiding itu sebagai ganti Lembaga Matawang Brunei;

(g) jika dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain sebutan dibuat kepada Lembaga Matawang Brunei, sebutan itu hendaklah dibaca *mutatis mutandis* sebagai suatu sebutan kepada Lembaga Matawang dan Monetari Brunei."

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 6 haribulan September, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM